

# KUALA KANGSAR SEBAGAI ZON TRANSISI DIALEK

*Rohani Mohd. Yusof*

## **Abstrak**

Dialek merupakan variasi atau kelainan bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur berdasarkan ruang geografi yang berbeza. Di Malaysia, variasi bahasa memperlihatkan ketidakseragaman dalam penggunaannya. Artikel ini bertujuan untuk meninjau dan meneliti variasi dari dialek Perak, iaitu subdialek Kuala Kangsar. Pada umumnya Kuala Kangsar disempadani oleh tiga bandar, iaitu Ipoh, Taiping dan Kuala Kangsar. Dari kajian yang dilakukan, ternyata subdialek ini memperlihatkan ciri-ciri dialek yang bercampur aduk dengan dialek luar dan dialek pendatang. Secara keseluruhannya keadaan ini telah memperlihatkan satu keunikan dalam dialek Perak dengan gejala linguistik yang bertumpang tindih. Ini menjadikan Kuala Kangsar sebagai zon atau kawasan peralihan dialek. Walau bagaimanapun, Kuala Kangsar masih dapat mempertahankan ciri-ciri sejati dialek Perak.

## **Abstract**

*Dialect is a variation or language differences spoken by a group of speakers according to the different geographical area. In Malaysia, the language variation shows an unevenness in its usage. This article aims to investigate and scrutinize the variation from Perak dialect, i.e. sub-dialect of Kuala Kangsar. From the research, this sub-dialect shows a mixture of dialect criteria from outside and foreign dialects. As a whole, this condition shows a uniqueness in Perak dialect with an overlap linguistic phenomenon. This had made Kuala Kangsar as a zone of dialect transition and can still retain the pureness of Perak dialect.*

## PENDAHULUAN

Kuala Kangsar ialah bandar diraja bagi negeri Perak Darul Ridzuan. Keluasan bandar Kuala Kangsar dan daerah-daerah yang termasuk di bawah pentadbirannya ialah 1 045.639 batu persegi. Menurut perangkaan tahun 1991, jumlah penduduknya ialah 146 684 orang. Penduduk ini terdiri daripada orang Melayu seramai 78 958 orang, Cina 41 234 orang, India 20 891 orang dan bangsa-bangsa lain, termasuk penduduk bumiputera, seramai 5601 orang (sila lihat Jadual 1). Sebaliknya perangkaan tahun 2000<sup>1</sup> pula menunjukkan pertambahan jumlah penduduk kepada 154 048 orang.

**Jadual 1** Bilangan Penduduk Kuala Kangsar Tahun 1991.

Bangsa	Bilangan
Melayu	78 958
Cina	41 234
India	20 891
Lain-lain	5 601
<b>Jumlah</b>	<b>146 684</b>

*Sumber:* Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak Darul Ridzuan, 1991.

Berdasarkan bilangan penduduk Kuala Kangsar, didapati majoritinya ialah orang Melayu dan beragama Islam. Dari segi petempatan, kebanyakan mereka menetap di kampung-kampung. Sebilangan besar daripada mereka melakukan kerja kampung seperti bersawah, menoreh getah, dan menternak binatang peliharaan seperti kerbau, lembu, ayam, itik, dan sebagainya. Bagaimanapun, terdapat juga yang mengusahakan industri kampung, misalnya perusahaan membuat labu seperti yang terdapat di Kampung Kepala Bendang di Mukim Sayong.

Berdasarkan kedudukan, Kuala Kangsar terletak di tengah-tengah negeri Perak yang disempadani oleh tiga buah bandar, iaitu bandar Ipoh, Parit dan Taiping. Kedudukan bandar Ipoh di bahagian selatan disempadani oleh Mukim Sungai Siput, bandar Parit di bahagian barat daya disempadani oleh Mukim Senggang dan bandar Taiping di utara disempadani Mukim

1 Dipetik dari Access Perak <<http://www.perak.gov.my/malay/geography/general.html>>

Kampung Buaya/Padang Rengas. Pada umumnya Kuala Kangsar terbahagi kepada sembilan mukim (sila rujuk Peta 2 di halaman 14), iaitu:

- (1) Sayong/Saiong, termasuk bandar Kuala Kangsar
- (2) Kota Lama Kanan
- (3) Kota Lama Kiri
- (4) Kampung Buaya/Padang Rengas
- (5) Lubuk Merbau
- (6) Cegar Galah
- (7) Senggang
- (8) Pulau Kemiri
- (9) Sungai Siput

Berdasarkan jumlah kampung yang terlalu banyak bagi setiap mukim, maka didapati agak sukar untuk melakukan kajian terhadap semua kampung. Pemilihan hanya dibuat secara rambang dan bagi setiap mukim yang terpilih mewakili setiap kampung dianggap dapat mewakili mukimnya atau daerahnya yang ada kalanya memperlihatkan perbezaan di dalam sistem fonologi. Walau bagaimanapun, segala bentuk pertuturan saling difahami dalam erti kata wujudnya kefahaman menyalang (*mutual intelligibility*) antara penutur dialek berkenaan.

Antara mukim atau daerah yang dikaji ialah Mukim Sayong, termasuk Kuala Kangsar (seterusnya KK) dan kawasan-kawasan di sekitarnya, Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri, Kampung Buaya/Padang Rengas, Lubuk Merbau, dan Cegar Galah. Manakala kampung-kampung yang dikaji untuk mewakili mukim-mukim tersebut dapat dirujuk di dalam Lampiran I di halaman 20–21.

## **SUBDIALEK KUALA KANGSAR DAN PENYEBARANNYA**

Negeri Perak mempunyai sejumlah 905 178 penduduk<sup>2</sup> Melayu dan jumlah ini termasuklah penduduk bumiputera dan kaum pendatang yang menetap di serata kawasan di negeri ini. Kaum pendatang yang dimaksudkan ialah Jawa, Kampar, Minangkabau, Mandailing, Rawa, Bawean, Kerinci, Banjar dan sebagainya dan petempatan mereka telah mewujudkan kawasan selaan di antara dialek-dialek yang sedia ada. Berdasarkan faktor-faktor geografi, politik dan perdagangan, maka negeri Perak dengan sendirinya mempunyai dialek

---

2 Banci Bilangan Penduduk Negeri Perak Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak Darul Ridzuan, 1991.

yang lebih banyak dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia yang lebih bersifat homogenik (Harun Mat Piah, 1983).

Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dilakukan terhadap Kuala Kangsar dan kawasan-kawasan di sekitarnya, pertuturan penduduk di kawasan berkenaan tidak memperlihatkan ciri-ciri dialek Perak sepenuhnya tetapi terdapat juga pengaruh dialek-dialek pendatang yang seterusnya menimbulkan kepelbagaian dialek. Oleh hal yang demikian, beberapa tanggapan dapat dibuat berdasarkan kepelbagaian ini. Pertama, berlakunya pertembungan sekurang-kurangnya dua atau lebih dialek yang berasingan di kawasan atau di tempat tertentu. Seterusnya pertembungan ini mengakibatkan penutur dialek Perak dari kawasan dialek yang lain terpengaruh dengan dialek-dialek asing. Penutur ini disebut sebagai "Perak sam-sam" oleh masyarakat tempatan. Sebaliknya penutur dialek Perak yang sememangnya berasal dari kawasan itu, tetap mempertahankan dialek asal mereka. Mengikut pengertian yang sebenarnya perkataan sam-sam bermaksud sekumpulan masyarakat yang menuturkan bahasa yang berlainan daripada dialek atau bahasa asal mereka (Asmah Haji Omar, 1982:193-194), misalnya masyarakat Melayu di Setul, Thailand menuturkan bahasa Thai yang bukan merupakan bahasa mereka yang sebenar.

Oleh itu penutur dialek Perak yang berasal dari luar kawasan yang mereka datangi itu cuba menyesuaikan diri dengan kawasan baru dan hal ini turut mempengaruhi bahasa mereka. Di samping itu, dialek asing yang turut mempengaruhi subdialek Kuala Kangsar ini ialah dialek Kampar, dialek Rawa, dialek Timur Laut dan dialek Pattani. Ini terbukti daripada dialek mereka, misalnya yang dituturkan di Kampung Pendiati, yang mendapat pengaruh dialek Kampar dan dialek Rawa (lihat Peta 2 di halaman 14). Di Kampung Jenalik Hilir pula, terdapat pengaruh dialek Timur Laut, dialek Patani dan sebagainya (lihat Peta 2 di halaman 14). Malah berdasarkan kajian, sememangnya terdapat satu kawasan petempatan penutur dialek Kampar (Sumatera) di Kampung Maran, Kati di dalam Mukim Kota Lama Kiri yang merupakan kawasan selaan (lihat Peta 2 di halaman 14). Di Kampung Jenalik Hilir terdapat juga petempatan orang Pattani. Walaupun kumpulan ini tidaklah besar bilangannya, kehadiran mereka telah dapat mempengaruhi dialek tempatan.

Sebaliknya di kawasan-kawasan yang tidak menampakkan adanya masyarakat pendatang ini, tetapi berdasarkan kemungkinan faktor sejarah<sup>3</sup>

3 Misalnya kedatangan orang Pattani/Siam ke Kedah (lihat Muhammad Hassan bin Datok Kerani Muhammad Arshad, 1928 atau 1968 dan Haji Buyung Adil (1968:43-44).

atau kesan-kesan sejarah, terdapat beberapa tempat yang pernah didatangi mereka. Malah berdasarkan temu bual yang dibuat, terdapat nama tempat atau petempatan yang ada kaitannya dengan kedatangan orang luar, contohnya Bendang Siam/Sayong, Menora, Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri, Jemuan/Kota Lama Kiri (sila lihat Peta 2 di halaman 14) dan sebagainya. Sumber ini diperoleh daripada Ketua Kampung Bendang Kering di Mukim Sayong, Ketua Kampung Kota Lama Kiri dan daripada beberapa orang informan lain.


Kedatangan pendatang luar tersebut disebabkan tujuan-tujuan tertentu seperti peperangan, perdagangan, dan desakan ekonomi. Walaupun kini, disebabkan faktor perubahan waktu dan keadaan, sukar untuk mengesan semula perkara-perkara ini, tetapi tanggapan masih boleh dibuat berdasarkan pengaruh yang wujud dalam dialek tempatan.

Berdasarkan kepelbagaian dalam dialek Perak ini, Harun Mat Piah (1983:3) secara rambang telah membahagikan dialek Perak kepada enam bahagian, iaitu:

- (1) Daerah Kerian, iaitu Parit Buntar hingga ke Taiping pertuturannya mendekati dialek Utara.
- (2) Daerah Tengah, iaitu termasuk Kuala Kangsar dan kawasan-kawasan di sekitarnya hingga ke Lenggong, tergolong ke dalam subdialek Kuala Kangsar.
- (3) Daerah Bota, termasuk Parit hingga ke Kampung Gajah dikenali sebagai subdialek Parit atau subdialek Sungai Perak.
- (4) Daerah Hulu Perak, termasuk Grik dan Kelian Intan mendekati dialek Perak.
- (5) Daerah-daerah lain, termasuk Ipoh hingga ke Tanjung Malim di selatan, pertuturannya lebih mendekati bahasa Melayu Standard (BM Standard).
- (6) Dialek-dialek pendatang, iaitu dialek Jawa, Kampar, Rawa, Mandailing, Banjar, Minangkabau yang tersebar di dalam kawasan-kawasan yang ramai didiami oleh kelompok tersebut. Misalnya dialek Jawa tersebar di Teluk Intan, Bagan Datoh dan Sabak Bernam; dialek Rawa di Gopeng dan Selama dan sebagainya.

Daripada gambaran yang diberikan, terlihat bahawa subdialek Kuala Kangsar tergolong ke dalam pembahagian Daerah Tengah. Lihat taburan

KUALA KANGSAR SEBAGAI ZON TRANSISI DIALEK



dialek Perak di dalam Peta 1 di halaman 6 sebagaimana yang digambarkan oleh Harun Mat Piah (1983).

Namun begitu, dalam meninjau dialek Perak serta subdialeknya, sebenarnya kajian linguistik ke atas dialek-dialek di negeri ini tidaklah banyak dilakukan dan yang ada hanyalah berupa makalah, latihan ilmiah atau tesis untuk memenuhi keperluan akademik. Antara kajian ilmiah (belum diterbitkan) yang terdapat di Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu (sebelumnya Jabatan Pengajian Melayu), Universiti Malaya ialah yang ditulis oleh Mazlan Khamis (1987), Mohd. Johari Aiyub (1999), Rohani Mohd. Yusof (1986) dan Zaharuddin Ahmad Zayadi (1987). Namun kajian-kajian ini bukanlah kajian yang menyeluruh mengenai dialek Perak, tetapi hanya dilakukan di kawasan tertentu, yakni kajian terhadap subdialek Perak sahaja.

## Metodologi

Untuk tujuan metodologi, kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sumber, pemilihan informan, dan analisis data.

## Sumber

Sumber di dalam kajian ini ialah pertuturan yang diperoleh daripada informan yang ditemui. Terdapat beberapa teknik yang dilakukan untuk mendapatkan produksi pertuturan, antaranya ialah dengan cara rakaman temu bual berdasarkan judul-judul tertentu melalui kaedah temu duga dan pertanyaan. Ini dilakukan dengan dua cara: pertama, secara bersemuka, iaitu antara pengkaji dengan seorang informan. Manakala cara kedua ialah temu bual secara kumpulan, iaitu temu duga atau pertanyaan yang dilakukan antara pengkaji dengan beberapa orang informan.

Dalam kaedah temu duga, informan diminta bercerita mengenai cerita-cerita yang diketahuinya, seperti cerita lisan atau cerita latar belakang mengenai kampungnya, adat istiadat, atau informan diberikan suatu judul perbualan sehari-hari seperti judul pekerjaan, kegiatan seni, dan sebagainya. Rakaman yang dilakukan ini berbentuk "temu duga senyap" dan dalam hal ini informan tidak menyedari bahawa suaranya sedang menjadi tumpuan dan dirakamkan untuk mendapat bentuk pertuturan lisan yang sebenar-benarnya.

Selain kaedah rakaman, sumber bahasa lisan diperoleh melalui pemerhatian langsung (*personal observation*) yakni pengkaji mencatatkan pertuturan informan. Catatan hanya ditumpukan kepada sumber yang menarik dan memperlihatkan ciri-ciri fonetik yang berbeza. Ini dilakukan

apabila rakaman sukar dijalankan kerana bunyi bising atau ketika pengkaji sekadar mendengar perbualan orang ramai yang sedang berkumpul.

### **Pemilihan Informan**

Pemilihan informan dibuat berdasarkan kepada pertuturan yang dapat mewakili mukim atau daerahnya. Pertimbangan yang dibuat untuk pemilihan ini berdasarkan kepada beberapa faktor, seperti umur, jantina dan latar belakang pendidikan. Di dalam kajian ini faktor umur dan pendidikan formal diambil kira kerana golongan yang berumur dan kurang berpendidikan atau tiada pendidikan langsung dianggap dapat mengekalkan bentuk pertuturan asli mereka berbanding dengan golongan muda yang telah terdedah kepada sistem pendidikan yang lebih formal. Oleh itu, di dalam kajian ini hanya golongan yang berusia 30 tahun ke atas sahaja dipilih kerana didapati golongan ini kurang mendapat pendidikan yang lebih formal atau tiada pendidikan langsung.

Ditinjau dari segi jantina pula, kedua-dua golongan lelaki dan perempuan diberi pertimbangan yang sama. Walau bagaimanapun, kebanyakan informan terdiri daripada orang perempuan kerana mereka mudah didekati dan dapat memberikan kerjasama tanpa sebarang keraguan. Malah mereka mematuhi segala kehendak pengkaji dan memberi jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Dalam kajian terhadap dialek Melayu, informan perempuan dianggap lebih baik kerana mereka dapat mengekalkan bentuk yang konservatif dalam dialek mereka (Ajid Che Kob, 1977: 25), begitu juga informan perempuan penutur subdialek Kuala Kangsar ini. Ini mungkin disebabkan faktor kurangnya pendedahan kepada pembaharuan atau pemodenan. Sungguhpun begitu, dengan adanya sistem pendidikan dan disebabkan peredaran masa, berlaku juga perubahan dalam sistem pertuturan golongan tua ini.

Pada amnya kedua-dua golongan informan, sama ada lelaki atau perempuan, sama baiknya jika ada tatacara tertentu mendampingi mereka (Ajid Che Kob, 1977:25). Hanya satu perkara sahaja yang dipentingkan dalam kajian ini, iaitu pemilihan informan mestilah dalam kalangan mereka yang tidak berpendidikan formal untuk mengelakkan pengkaji memperoleh data yang dianggap sebagai sebutan standard.

### **Pengumpulan dan Huraian Data**

Semua data yang diperoleh secara rakaman, kemudiannya didengar semula dan ditranskripsikan ke dalam bentuk-bentuk fonetik. Catatan di dalam bentuk transkripsi fonemik hanya terdapat di bahagian-bahagian yang difikirkan perlu. Semua data yang diperoleh dikumpul dan dibahagikan



mengikuti kampung dan mukim masing-masing. Seterusnya data yang berupa perkataan dibandingkan mengikuti sistem fonologinya antara satu sama lain untuk melihat persamaan dan perbezaan di dalam kawasan dialek tersebut. Hanya perkataan yang terpilih sahaja diambil sebagai data.

Ciri-ciri fonetik yang dikaji berlandaskan sistem vokal dan konsonan. Perbezaan yang terlihat dikaji dalam bentuk perubahan fonologi dan pengaruh-pengaruh yang berbeza ini seterusnya secara kasar dicatatkan ke atas peta kawasan bagi melahirkan peta dialek.

## **BEBERAPA MASALAH KAJIAN**

Dalam melaksanakan penyelidikan terhadap subdialek Kuala Kangsar ini, beberapa masalah kajian telah ditemui. Masalah pertama ialah masalah pemilihan informan, yakni sesetengah informan tidak mahu memberikan kerjasama kerana mereka berasa curiga terhadap pengkaji. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji perlu membawa bersama-samanya pembantu yang merupakan penutur subdialek Kuala Kangsar ini untuk memberikan penerangan apabila timbul kesukaran atau kesulitan.

Di samping itu, timbul juga masalah yang berupa gejala kesensitifan linguistik (*linguistic sensitivity*), iaitu informan enggan bertutur apabila ditanya mengenai dialeknya. Oleh itu, pengkaji mestilah sentiasa berhati-hati supaya tidak menimbulkan masalah kebahasaan. Sebaliknya untuk mendapatkan sumber pertuturan lisan, pengkaji perlu memberikan judul-judul menarik yang boleh diperbualkan. Seterusnya pengkaji bersikap sebagai peserta pemerhati (*participant observer*) dan menganggap dirinya tidak mempunyai pengetahuan langsung tentang hal yang dikaji. Untuk mendapatkan sambutan yang baik daripada informan, pengkaji perlu mempelajari dan bertutur mengikuti gaya pertuturan masyarakat tempatan. Sekiranya pengkaji tidak memenuhi hakikat ini, ada kemungkinan informan secara automatik akan mengubah dan meniru gaya BM Standard. Walaupun data yang diperoleh tidak meliputi semua kampung, tetapi memadai untuk mewakili sesebuah mukim yang dikaji.

## **Analisis Data**

Pembahagian subdialek Kuala Kangsar (KK) kepada beberapa kawasan atau zon dialek ditentukan oleh bentuk-bentuk vokal dan konsonan yang hadir di dalam kata. Kehadiran vokal dan konsonan akan menentukan persamaan dan perbezaan mengikuti kawasan. Walaupun hakikatnya

subdialek KK mewakili kawasan dialek Perak selain subdialek Parit, tetapi Kuala Kangsar memperlihatkan ciri-ciri yang bercampur aduk dengan dialek luar. Gejala ini, misalnya terlihat pada penyebaran urutan [ -Eh ] dan [ -ah ] yang hadir di lingkungan akhir kata sebagai kesejajaran kepada urutan [ -as ] dalam BM Standard, dan gejala ini memperlihatkan keseragaman dalam semua mukim subdialek KK. Walaupun urutan [ -ah ] memperlihatkan persamaan dengan dialek Pattani dan dialek Kelantan, tetapi disebabkan oleh peredaran masa dan kebiasaan penggunaannya dalam kalangan masyarakat setempat, maka tidak lagi dirasakan sebagai pengaruh luar. Kedua-dua urutan [ -Eh ] dan [ -ah ] bervariasi bebas, misalnya:

Semua Mukim KK		BM Standard	
(1)	[bəyɛh] ~	[bəyah]	= beras
(2)	[kipɛh] ~	[kipah]	= kipas
(3)	[ləkɛh] ~	[ləykeh]	= lekas
(4)	[luwɛh] ~	[luwah]	= luas
(5)	[panɛh] ~	[panāh]	= panas

Begitu juga penyebaran vokal [ -ɛ ] yang hadir di lingkungan akhir kata yang terhasil daripada proses pemonoftongan [ -āi ] peleburan urutan [ -al ] dalam BM standard adalah sejajar dengan penyebaran [ -a ] yang memperlihatkan persamaan dengan dialek Pattani dan dialek Kelantan. Kedua-dua bentuk tersebut tersebar luas di dalam semua mukim subdialek KK, misalnya:

Semua Mukim KK		BM Standard	
(1)	[kəɛ] ~	[kəda]	= kedai
(2)	[pakɛ] ~	[paka]	= pakai
(3)	[samɛ]	[samba]	= sambal
(4)	[təɛ]	[teba]	= tebal

Di samping ciri-ciri linguistik di atas yang tersebar luas penggunaannya di dalam subdialek KK, terdapat juga ciri-ciri luar yang lain, tetapi kehadirannya di dalam kata terhad di kawasan-kawasan tertentu. Selain pengaruh dialek Pattani dan dialek Kelantan seperti yang telah dinyatakan, terdapat juga pengaruh daripada dialek-dialek lain seperti dialek Kampar dan dialek Rawa. Gejala ini terbayang di dalam ciri-ciri linguistik yang telah mempengaruhi subdialek KK. Umpamanya penyebaran urutan [ -ɛ ? ] di lingkungan akhir kata sebagai kesepadanan kepada [ -at ] dalam dialek

Perak, terlihat di Kampung Pendiati dalam Mukim Cegar Galah dan Kampung Maran dalam Mukim Kota Lama Kiri (sila lihat Peta 2, di halaman 14). Kehadiran urutan [ - ε ? ] adalah mengikuti konsonan nasal [ n ] dan separuh vokal [ w ], misalnya dalam perkataan [pənĒ ?] = penat, [buwE?] = buat, dan sebagainya.

Seterusnya ialah penyebaran urutan [ -et ] sebagai kesejajaran kepada [ -at ] dan [ -en ] sebagai kesejajaran kepada [ -an ]. Kehadiran [ -et ] di dalam kata adalah mengikuti konsonan [ p ], [ k ] dan [ n ], manakala [ -en ] mengikuti konsonan [ k ]. Kedua-dua urutan di atas terlihat di Kampung Jelapang dan Kampung Pendiati, misalnya, [ʔaŋĕt] = hangat, [mpet] = empat, [caŋket] = cangkat, [māken] = makan, [iken] = ikan, dan sebagainya.

Penyebaran seterusnya ialah penyebaran pola geografi [ - ] pada lingkungan akhir kata sebagai kesejajaran kepada [ p ] dan [ t ]. Bentuk ini terdapat di Kampung Jenalik, Kampung Pendiati, Kampung Jelapang, dan Kampung Maran (sila rujuk Peta 2 di halaman 14). Bentuk ini hadir di dalam perkataan-perkataan berikut:

#### Subdialek KK

#### BM Standard

(1) [səda]	~	[sədap]	=	Sedap
(2) [nīθō]	~	[nīθōp]	=	Meniup
(3) [pənĒ]	~	[pənāt]	=	Penat
(4) [buwE]	~	[buwat]	=	Buat
(5) [kae]	~	[kaet]	=	Kait
(6) [duwe]	~	[duwet]	=	Duit, wang

Berdasarkan contoh-contoh di atas, ternyata bahawa bentuk [ -ah ] dan [ -a ] yang hadir di lingkungan akhir kata akibat pengaruh ciri-ciri dialek luar tersebar luas penggunaannya di dalam subdialek KK. Sebaliknya penyebaran ciri-ciri linguistik lain seperti [ -E ], [ -et ], [ -en ] dan [ - ] sebagai kesejajaran kepada [ p ] dan [ t ] yang hadir di lingkungan akhir kata, terhad di kawasan-kawasan tertentu dan seolah-olah ada suatu petempatan yang tersendiri. Berdasarkan kenyataan di atas, terlihat bahawa kawasan ciri-ciri dialek pendatang tersebut terletak di kawasan bukan pusat (Asmah Haji Omar, 1985:111), yakni di kawasan pinggiran.

### Dapatan Kajian

Daripada contoh analisis data yang dilakukan, beberapa kesimpulan dapat dibuat terhadap subdialek KK, iaitu subdialek ini dapat dikategorikan kepada tiga kawasan (sila lihat Peta 2 di halaman 14), berdasarkan kepada ciri-ciri

yang dimiliki, iaitu:

- (1) Kawasan penyebaran ciri-ciri dialek Perak (Kawasan Ciri A).
- (2) Kawasan penyebaran ciri-ciri dialek luar atau dialek pendatang (Kawasan Ciri B).
- (3) Kawasan penyelaan dialek (Kawasan Ciri C).

Pembahagian kepada kawasan-kawasan subdialek di atas didasarkan kepada penyebaran ciri-ciri fonologi yang wujud di setiap kawasan kajian. Perbezaan dan persamaan yang terdapat di dalam sesebuah kawasan atau subkawasan akan menentukan pembahagian kawasan-kawasan tersebut.

Berdasarkan pembahagian di atas, Kawasan Ciri A ialah kawasan di sekitar Bukit Chandan dan merupakan kawasan yang dapat mewakili penyebaran ciri-ciri dialek Perak. Walaupun kawasan ini merupakan kawasan diraja, tetapi kawasan ini tidak memperlihatkan wujudnya seratus peratus ciri-ciri dialek Perak, kerana kelihatan juga penutur-penuturnya yang mencampuradukkan pertuturan mereka dengan ciri-ciri dialek pendatang. Namun begitu, perubahannya tidaklah seperti yang berlaku di kawasan-kawasan lain. Gejala ini terjadi disebabkan terdapatnya hubungan sosial dengan penutur-penutur dari subkawasan yang lain. Hubungan sosial ini boleh berupa ikatan perkahwinan atau migrasi penduduk subkawasan lain ke Bukit Chandan dan ke kawasan sekitarnya. Seterusnya ciri-ciri sejati dialek Perak dapat dilihat di kawasan di sepanjang tebing Sungai Perak. Sebagaimana di kawasan Bukit Chandan, kawasan-kawasan ini juga turut memperlihatkan ciri-ciri linguistik yang bertumpang tindih, iaitu ada ciri-ciri dari kawasan sekitar dan ada ciri-ciri pengaruh dialek luar seperti dialek Pattani dan dialek Kelantan.

Manakala Kawasan Ciri B pula, merupakan kawasan yang memperlihatkan terdapatnya pengaruh ciri-ciri dialek pendatang yang menyela masuk ke dalam dialek tempatan. Di kawasan ini juga kelihatan ciri-ciri linguistik yang bertumpang tindih antara dialek tempatan (Ciri A) dengan dialek pendatang (Ciri B) dan seterusnya akan menghasilkan jaringan isoglos yang bertumpang tindih. Oleh itu sebenarnya tiada kawasan yang berciri B, tetapi memperlihatkan gabungan antara Ciri B dan Ciri A (sila rujuk Peta 2 di halaman 14). Walaupun begitu, ciri-ciri dialek pendatang adalah nyata penggunaannya dalam kalangan masyarakat setempat berbanding dengan Kawasan Ciri A. Gejala ini terjadi berdasarkan kemungkinan beberapa faktor, iaitu:

- (1) Berlakunya migrasi penutur dialek pendatang ke kawasan tersebut

dan seterusnya mempengaruhi masyarakat tempatan.


- (2) Berlakunya migrasi penutur dialek tempatan dari subkawasan lain ke subkawasan tersebut dan disebabkan rasa ingin menyesuaikan diri di tempat baru, maka wujud perubahan di dalam sistem fonologi mereka. Sebaliknya masyarakat asal di kawasan tersebut tetap mengekalkan dialek mereka. Misalnya di Kampung Jelapang di dalam Mukim Lubuk Merbau, walaupun gejala ini wujud, kerana mungkin ada orang Pattani di situ pada suatu ketika yang lalu, masyarakat setempat tetap mengekalkan dialek asal mereka.
- (3) Terdapatnya penutur tempatan yang mencampuradukkan dialek tempatan dan dialek pendatang.

Seterusnya Kawasan Ciri C, memperlihatkan bahawa di dalam subdialek KK terdapat sebuah kawasan selaan di Kampung Maran yang terletak di dalam Mukim Kota Lama Kiri, iaitu kawasan yang didiami oleh orang yang menuturkan dialek Kampar dan keturunan mereka dikatakan berasal dari Sumatera, Indonesia. Penyelaan bahasa ini berlaku kerana terdapatnya migrasi masyarakat tersebut ke kampung berkenaan yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti desakan ekonomi dan politik.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepelbagaian ciri-ciri dialek yang diperlihatkan, boleh dibuat kesimpulan bahawa dalam subdialek KK, terdapat ciri-ciri dialek luar yang bercampur aduk dengan dialek Perak. Berdasarkan hakikat di atas dapatlah dikatakan bahawa Kuala Kangsar ialah sebuah kawasan atau zon peralihan antara dialek Perak dengan dialek-dialek lain. Kenyataan ini juga disebabkan oleh kedudukan Kuala Kangsar yang terletak di tengah-tengah kawasan yang menghubungkan utara dan selatan, seterusnya menimbulkan perubahan demografi daerah dan sistem pertuturannya (Asmah Haji Omar, 1985:219). Misalnya di sebelah barat lautnya ialah daerah Kerian yang merupakan subkawasan dialek Kedah; di sebelah utara pula ialah daerah Lenggong yang merupakan subkawasan dialek Pattani; di sebelah selatan ialah daerah Ipoh yang merupakan subkawasan dialek Selangor; dan di bahagian timurnya pula ialah negeri Kelantan. Walaupun demikian, sebagai pusat budaya, Kuala Kangsar dapat mempertahankan ciri-ciri dialek Perak di dalam bentuk yang lebih asli yang dilambangkan oleh subdialek Parit (Asmah Haji Omar, 1985: 219–239).

Seterusnya sebagai sebuah kawasan transisi atau peralihan, Kuala



Pembahagian kawasan ciri-ciri subdialek Kuala Kangsar.  
 Sumber: Rohani Mohd Yusof. (1986:306).

Kangsar memperlihatkan gejala kesinambungan bahasa dan proses perubahan bahasa yang berlaku secara beransur-ansur. Menurut Asmah Haji Omar (1985:1870), kawasan Kuala Kangsar ini boleh dianggap sebagai kawasan transisi atau peralihan dialek Kedah dan dialek Perak berdasarkan tanggapan bahawa di sinilah menipisnya ciri-ciri dialek Kedah. Dengan demikian, secara langsung gejala ini turut memperlihatkan bahawa ciri-ciri yang terdapat dalam dialek Perak adalah perkembangan yang seterusnya daripada dialek Kedah (Asmah Haji Omar, 1985:240 dan 358). Sebagai contoh perkembangan yang dimaksudkan dipaparkan di dalam contoh urutan bunyi-bunyi berikut:

<b>BM Standard</b>		<b>Dialek Kedah</b>		<b>Dialek Perak</b>
-al	→	-ai	→	-e (-E)
-as	→	-ayh	→	-eh (-Eh)
-us	→	-uyh	→	-oyh

Contoh:

- |     |         |   |          |   |          |   |       |
|-----|---------|---|----------|---|----------|---|-------|
| (1) | /təbal/ | → | /təbay/  | → | /təbe/   | = | tebal |
| (2) | /balas/ | → | /balayh/ | → | /baleh/  | = | balas |
| (3) | /tikus/ | → | /tikuyh/ | → | /tikoyh/ | = | tikus |

Sebagai kesimpulan, walaupun Kuala Kangsar merupakan pusat budaya dan bandar diraja negeri Perak Darul Ridzuan, tetapi jika ditinjau penyebaran ciri linguistiknya, Kuala Kangsar ialah sebuah kawasan transisi atau kawasan peralihan dialek. Berdasarkan pemerhatian, didapati bahawa kawasan Bukit Chandan dan di sekitarnya memperlihatkan ciri-ciri penggunaan bahasa yang agak stabil, tetapi disebabkan adanya migrasi penutur dari subkawasan yang lain, maka wujudlah ciri-ciri linguistik yang bertumpang tindih. Sungguhpun demikian Kuala Kangsar masih berupaya mengekalkan ciri-ciri yang ada dalam dialek Perak.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1966. *Perbandingan Tataunyi Antara Dialek Kedah dan Dialek Perak*, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan, 1974. "Pertembungan bahasa dan kesannya terhadap bahasa Melayu", *Dewan Bahasa*, Jilid 18 Bil.5, Mei 1974.
- Abdul Hamid Mahmood, 1981. "Ciri-ciri dialek Kelantan yang mempengaruhi

- penguasaan bahasa Malaysia standard”, Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abu Bakar Hamid, 1962. “Sedikit mengenai fonologi dialek Perak”, *Dewan Bahasa*, Jilid VI Bil. 6 Jun 1962.
- Access Perak, Geografi (Secara Umum), bahan Internet di alamat <http://www.perak.gov.my/malay/geography/general.html>
- Ajid Che Kob, 1977. *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal*, Tesis untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastera (M.A.), Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*, Penerbitan Ilmiah No. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1978. “Kedah: aspek kebudayaan seperti yang terdapat dalam sejarah dan bahasa”, *Dewan Bahasa*, Jilid 22 Bil. 3, Mac 1978.
- Asmah Haji Omar, 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banci Bilangan Penduduk Negeri Perak, 1991. Jabatan Perangkaan Negara Malaysia, Negeri Perak Darul Ridzuan.
- Haji Buyung Adil, 1968. *Sejarah Negeri Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Handbook of the International Phonetic Association*, bahan Internet di alamat <http://www2.arts.gla.ac.uk/IPA/ipa.html>
- Harun Mat Piah, 1969. *Sistem Bunyi Dialek Rawa yang Dituturkan dalam Daerah Gopeng, Perak*, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah, 1983. “Dialek Perak: satu tinjauan ringkas”, Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan, anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak, di Tepian Gelanggang Ipoh, Perak pada 20–23 Oktober, 1983.
- Lehmann, W.P., 1973. *Historical Linguistics: An Introduction*, Oxford and IBH Publishing Co.: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Mazlan Khamis, 1987. *Perbandingan Fonologi Beberapa Dialek Perak*, Disertasi bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Januri Aiyub, 1999. *Kajian Fonologi dan Leksikal Dialek Melayu Perak di Lambor*. Disertasi bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Hassan bin Datok Kerani Muhammad Arshad, 1928. *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah*, Pulau Pinang.
- Muhammad Hassan bin Datok Kerani Muhammad Arshad, 1968. *Al-Tarikh*



- Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1965. *Loghat Melayu Kelantan: Suatu Cherakinan Kajibunyi Bahasa*, Tesis untuk memenuhi keperluan Ijazah Master of Arts (M.A.) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara, 1983. *Dialek Melayu Pattani dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi, Morfologi dan Sintaksis*. Disertasi bagi memenuhi Ijazah Sarjana (M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rohani Mohd Yusof, 1986. *Subdialek Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Tesis untuk Memenuhi Syarat-syarat Keperluan Ijazah Sarjana Sastera (M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- The principles of the International Phonetic Association*, reprinted 1978. University College, Glower Street, London: International Phonetic Association.
- Zaharuddin Ahmad Zayadi, 1987. *Fonologi dan Leksikal: Satu Kajian di Kuala Kangsar Perak*. Disertasi bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## LAMPIRAN 1

Nama-nama kampung mengikut urutan nombor sebagaimana yang terdapat di dalam Peta 2 di halaman 14:

- (1) Kampung Padang Rengas
- (2) Kampung Buaya
- (3) Kampung Lawin
- (4) Kampung Bukit Chandan
- (5) Kampung Padang Cangkat
- (6) Kampung Sayong Lembah
- (7) Kampung Kandang Hilir
- (8) Kampung Kandang Hulu
- (9) Kampung Kota Lama Kanan
- (10) Kampung Bukit Lada
- (11) Kampung Sayong Tengah
- (12) Kampung Bendang Kering
- (13) Kampung Kepala Bendang
- (14) Kampung Kota Lama Kiri
- (15) Kampung Batang Kulim
- (16) Kampung Keledang
- (17) Kampung Jemuan
- (18) Kampung Enggor
- (19) Kampung Talang
- (20) Kampung Cuar
- (21) Kampung Maran
- (22) Kampung Ulu Langkor
- (23) Kampung Jelapang
- (24) Kampung Tanah Merah
- (25) Kampung Sungai Akar
- (26) Kampung Geliong
- (27) Kampung Pendiati
- (28) Kampung Suak Punggor
- (29) Kampung Senggang
- (30) Kampung Kenas
- (31) Kampung Langkor
- (32) Kampung Rambung

**ROHANI MOHD. YUSOF**

- (33)            **Kampung Paya Panjang**
- (34)            **Kampung Jenalik Hilir**
- (35)            **Kampung Jenalik**
- (36)            **Kampung Kuala Sayong Hilir**
- (37)            **Kampung Sayong Masjid**